



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

ISNIN
28 Julai 2025



22 NEGERI
SINAR HARIAN • ISNIN 28 JULAI 2025

Sinar TELUS & TULUS
Harian SELANGOR/KL KELANTAN
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TVET bukan lagi pilihan kedua - Amirudin

Lonjak tenaga mahir Selangor, cipta peluang kerja masa hadapan

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM

Pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) bukan lagi sekadar pilihan, sebaliknya menjadi tunjang utama dalam pembangunan modal insan serta pemacu pertumbuhan ekonomi negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dalam satu kenyataan di laman sosialnya, berkata pelaburan dalam bidang tersebut terbukti berkesan dalam melahirkan tenaga kerja mahir dan membuka ruang keusahawanan teknologi baharu inovatif serta mampu mencipta peluang pekerjaan masa hadapan.

"Pelaburan dalam TVET bukan sahaja membekalkan kemahiran teknikal, malah turut melahirkan teknopreneur (technopreneur) yang mampu menawar-



Amirudin (dua dari kanan) menyampaikan Anugerah Khas Menteri Besar Selangor kepada Muhammad Adam (tengah) ketika Majlis Konvokesyen ke-24 STDC di Shah Alam.



kan penyelesaian berasaskan teknologi," katanya selepas merasmikan Majlis Konvokesyen ke-24 Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) di sini pada Sabtu.

Pada majlis itu, Amirudin turut menyampaikan Anugerah Khas Menteri Besar Selangor kepada graduan jurusan

penyamanan udara, Muhammad Adam Zikri Harun.

Beliau berkata, sektor automasi industri, drone, elektrik dan elektronik, perkilangan pintar, teknologi tenaga boleh baharu dan kecerdasan buatan (AI) berkembang pesat serta memerlukan tenaga kerja mahir dalam skala besar.

"Kerajaan negeri komited akan terus memperkukuh bidang TVET," katanya.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

- 1 HARGA PETROL RM1.99 UNTUK RAKYAT MALAYSIA, BUKAN WARGA ASING
- 2 'PASPORT TERBANG': EMPAT PEGAWAI CIQ DIREMAN ENAM HARI
- 3 WARGA EMAS MENANGIS DI BALAI POLIS SELEPAS DIANCAM ANAK TEMAN WANITA
- 4 DEMONSTRASI 'TURUN ANWAR' GAGAL TARIK SOKONGAN - AMK KLANG
- 5 BINTANG TIKTOK MATI DIRACUN AKIBAT TOLAK KAHWIN PAKSA
- 6 KERAJAAN KELANTAN NASIHAT RAKYAT TANGGUH MELANCONG KE THAILAND, KEMBOJA
- 7 10 NEGERA JIRAN PERNAH BERPERANG
- 8 RAKYAT SEMAKIN BIMBANG KOS SARA HIDUP - KAJIAN